

Headline	50 tahun tunggu giliran haji		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	24 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	297,950
Page No	8	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	397 cm ²
Journalist	Oleh Mohd Roji Kawi	AdValue	RM 13,441
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,323



50 tahun tunggu giliran haji

» *Tempoh kurang jika ada bakal jemaah meninggal, sakit berpanjangan*

Oleh Mohd Roji Kawi

► Kuching

Secara teknikal, umat Islam di negara ini terpaksa menunggu sehingga 50 tahun untuk menunaikan haji selepas mendaftar dengan Tabung Haji (TH).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata pada waktu ini, ada 1.2 juta daripada 8.2 juta pendeposit TH sedang menunggu giliran menunaikan haji.

Beliau berkata, beberapa faktor akan menyebabkan tempoh menunggu berkurangan termasuk bakal jemaah terdahulu meninggal dunia atau sakit berpanjangan.

Operasi haji lancar

Jamil Khir berkata demikian kepada media pada Majlis Pecah Tanah Kompleks Haji dan TH Hotel Sarawak, semalam.

Perasmian disempurnakan Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Turut hadir Pengerah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Mengenai kompleks berkenaan, Jamil Khir berkata,

Kompleks Haji Sarawak yang turut menempatkan TH Hotel Kuching berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) di sini, dijangka mampu memastikan kelancaran operasi haji.

Malah, kompleks bernilai RM204 juta yang dibina di tapak seluas 2.5 hektar oleh TH Properties Sdn Bhd, bakal muncul sebagai mercu tanda baru di bandar raya ini sebaik beroperasi pada 2017.

Katanya, kompleks yang berfungsi sebagai pusat sehenti serba lengkap itu akan memberi kemudahan kepada bakal haji terutama warga tua dan mereka yang datang dari jauh.

TH ketika ini mempunyai tujuh stesen berlepas secara terus ke Tanah Suci iaitu Alor Setar, Kedah; Bayan Lepas, Pulau Pinang; Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA); Senai, Johor Bharu;

Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.

“*Beberapa faktor akan menyebabkan tempoh menunggu berkurangan termasuk bakal jemaah terdahulu meninggal dunia atau sakit berpanjangan*”

Jamil Khir Baharom,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Abdul Taib melihat replika model Kompleks Haji dan TH Hotel Sarawak pada Majlis upacara pecah tanah Kompleks Haji dan TH Hotel Sarawak di Kuching, semalam, sambil disaksikan Jamil Khir.

[FOTO NADIM BOKHARI/BH]